

# Pelajar sekolah, IPT jadi penyelamat sungai

» Pelbagai aktiviti sempena Hari Sungai Sedunia pupuk nilai cintai alam sekitar

Oleh Noor Azlina Zainudin  
azlina@bharian.com.my

## Hulu Langat

Seramai 150 peserta daripada kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) menyertai program Briged Penyelamat Sungai (BPS) Nature Hunt sempena sambutan Hari Sungai Sedunia 2012, di sini.

Mereka membabitkan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Sabak Bernam dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cheras, berkampung sehari menyertai pelbagai aktiviti berkaitan alam sekitar dan pemuliharaannya.

Program berbentuk ala rancangan realiti televisyen *Amazing Race* itu antara lain merangkumi perlumbaan dan aktiviti lasak yang dilaksanakan secara berkumpulan di 13 check point yang ditentukan.

### Elemen alam semula jadi

Setiap aktiviti berpandukan elemen alam semula jadi seperti hutan dan air bagi menguji ketahanan peserta dalam kecerdasan mental, fizikal, emosi dan spiritual.

Pelajar PSIS, Muhammad Taquiuddin Azumi, 18, berkata dia bertuah diberi peluang menganggotai BPS yang baru dibuka keahliannya kepada pelajar IPT kerana sedar tanggung jawab memulihara alam sekitar adalah tugas semua pihak,

terutama generasi muda seperti nya.

Katanya, program seperti Nature Hunt mampu membuka mata remaja untuk terus memupuk semangat cintakan alam sekitar, terutama sungai yang menjadi punca utama bekalan air untuk kegunaan manusia.

### Rawat sungai tercemar

Bagi pelajar kursus Sarjana Muda Pengurusan Alam Sekitar UPM, Nureidayah Hasim, 22, program itu banyak mengajarnya aspek disiplin, kerjasama dalam kumpulan, komunikasi dan interaksi baik sesama peserta serta menimba pengetahuan mengenai pencemaran sungai dan cara merawatnya.

“Aktiviti paling sukar bagi saya ialah terpaksa merentasi tasik dalam kumpulan untuk menyudahkan tugas.”

“Ini disebabkan saya pernah hampir lemas ketika mengikuti aktiviti ‘water confident’ semasa berada di Tingkatan Dua, lapan tahun lalu.

“Syukurlah kerjasama yang baik dan kata-kata semangat yang diberikan rakan sepasukan membolehkan aktiviti itu dilaksanakan dengan jayanya, sekali gus meningkatkan kembali keyakinan saya semasa berada dalam air,” katanya.

### Program bermanfaat

Sementara itu, pelajar SMK Cheras, Nur Izzati Emalia Azhar, 15, menyifatkan program itu amat bermanfaat kerana dia dan rakan berpeluang mengisi masa terluang selepas menduduki Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan aktiviti berfaedah.

Katanya, pengalaman dan pengetahuan diperoleh sepanjang program sehari itu akan dipaparkan dalam laman blog peribadinya supaya boleh dikongsi bersama rakan lain yang tidak berpeluang menyertainya.



“  
Program seperti Nature Hunt mampu membuka mata remaja untuk terus memupuk semangat cintakan alam sekitar, terutama sungai yang menjadi punca utama bekalan air untuk kegunaan manusia”

**Muhammad Taquiuddin Azumi,**  
Pelajar PSIS



## Pengkelasan Sungai

- ☑ Kelas 1 - **airnya boleh** terus diminum tanpa rawatan
- ☑ Kelas 2 - **airnya memerlukan** rawatan biasa
- ☑ Kelas 3 - **air nampak bersih**, tidak berbau, tetapi kualiti tercemar
- ☑ Kelas 4 - **tercemar, airnya** antara lain busuk, hitam
- ☑ Kelas 5 - **hampir mati**, air antara lain busuk, hitam



## Briged Penyelamat Sungai (BPS)

- ☑ Ditubuhkan 14 Mac 1998
- ☑ Untuk pelajar sekolah menengah
- ☑ Pupuk kesedaran, minat generasi muda terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar terutama kebersihan sungai
- ☑ Ahli mencecah 4,815 orang, 280 sekolah menengah seluruh Lembah Klang
- ☑ Akan diperluaskan ke lebih banyak sekolah menengah, IPT







panjang **1,000** sungai

erpanjang

seluruh negara dipantau  
secara berkala Jabatan  
Alam Sekitar



Sebahagian peserta Program BPS Nature Hunt **bergambar bersama** sempena sambutan **Hari Sungai Sedunia 2012** di Nur Lembah Pangsun Eco Resort, Hulu Langat.

[FOTO AFENDI MOHAMED/BH]

“  
Pengalaman dan pengetahuan diperoleh sepanjang program sehari itu akan **dipaparkan dalam laman blog peribadi saya supaya boleh dikongsi bersama rakan lain yang tidak berpeluang menyertainya**”

**Nur Izzati Emalia Azhar,**  
Pelajar SMK Cheras



# Masyarakat perlu ubah sikap elak sumber air tercemar

Tiga punca utama pencemaran sungai ialah sampah sarap, sisa biologi aktiviti penternakan serta buangan domestik dan bahan kimia daripada sisa industri.

Faktor lain yang menambah buruk pencemaran sumber air itu ialah kespesatan pembangunan, pertumbuhan populasi dan sikap masyarakat tidak mengambil berat dengan aktiviti mereka yang boleh mengganggu keseimbangan alam sekitar.

Dalam usaha membendung masalah itu, perkara paling utama boleh dilakukan ialah meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya usaha memulihara kebersihan sistem saliran berkenaan.

Timbalan Menteri Tenaga, Tekno-

logi Hijau dan Air, Datuk Noriah Kasnon, berkata masyarakat terutama generasi muda perlu berganding bahu mengatasi masalah pencemaran sungai yang semakin berleluasa dengan kesedaran terhadap aspek itu wajar dipupuk sedari awal.

## Usaha berterusan

Melancarkan program Briged Penyelamat Sungai (BPS) Nature Hunt di Nur Lembah Pangsun Eco Resort, di sini baru-baru ini, beliau berkata, pemuliharaan alam sekitar perlu dibuat secara berterusan oleh semua pihak meliputi orang ramai, sektor awam dan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Usaha itu penting bagi mengelak

kualiti air terus terjejas yang boleh mengakibatkan kepupusan sistem ekologi dan kehidupan akuatik. Sehubungan itu, usaha Puncak Niaga menubuhkan BPS sejak 14 tahun lalu amat dipuji dan wajar dicontohi dalam melahirkan lebih ramai golongan cintakan kelestarian alam sekitar," katanya.

Hadir sama Puan Sri Faridah Idris, isteri Pengerusi Eksekutif Kumpulan Puncak Niaga dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd, Tan Sri Rozali Ismail; Pengarah Urusan Puncak Niaga, Datuk Syed Danial Syed Ariffin serta Pengerusi Pusat Penyelidikan Kelestarian Alam Sekitar, Ekonomi dan Sosial UKM, Prof Madya Dr Ahmad Fariz Mohamed.

## Kurang kesedaran

Sementara itu, Rozali dalam teks ucapan dibacakan Faridah, berkata ramai tidak sedar kebanyakan sungai di negara ini berdepan pencemaran teruk sehingga mengganggu keseluruhan sistem ekologi dengan kebanyakan punca adalah sikap dan aktiviti harian manusia yang tanpa segan silu menjadikan sungai sebagai 'lebuha' sampah.

"Sungai sumber air mentah utama diproses sebagai air terawat untuk kegunaan ramai setiap hari. Untuk itu, BPS ditubuhkan pada 1998 bagi melahirkan generasi muda yang sentiasa prihatin terhadap aktiviti pemuliharaan sungai serta alam sekitar," katanya.



Noriah (dua dari kiri) bersama Faridah (tiga dari kiri) bersama peserta Program BPS Nature Hunt.



Pelbagai aktiviti dijalankan bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan sungai.



“Syukurlah kerjasama yang baik dan kata-kata semangat yang diberikan rakan sepasukan membolehkan aktiviti itu dilaksanakan dengan jayanya”

Nureidayah Hasim, Pelajar UPM